

ARKIB MAKLUMBALAS PERTANYAAN / PENDAPAT / CADANGAN DARIPADA ORANG AWAM

BIL	NAMA PENGGUNA	MAKLUMBALAS PERTANYAAN / PENDAPAT / CADANGAN	TARIKH MAKLUMBALAS / PERTANYAAN	MAKLUMBALAS / JAWAPAN / TINDAKAN	TARIKH MAKLUMBALAS / JAWAPAN
1.	Nama: Faizal	<p>PERTANYAAN : KALENDAR & E TAKSIRAN</p> <p>Mesej: pada hari ini 16 Jan 2015 (11.34am), saya telah melayari portal rasmi MPKJ. klik pada pautan hari pelepasan am, dan didapati hari kelepasan yang dipaparkan adalah tidak betul. harap pihak admin dapat memperbetulkan kesilapan. saya juga gagal untuk masuk di https://ebayar.mpkj.gov.my/sso untuk menyemak cukai taksiran saya.</p> <p>terima kasih</p>	Tarikh: 2015-01-16 11:32:53	<p>Mesej: Salam.</p> <p>Tuan,</p> <p>Terima kasih atas aduan daripada pihak tuan. Untuk makluman, pihak kami telah mengemaskini ruangan Hari Kelepasan Am Selangor tersebut.</p> <p>Untuk makluman, kami mengalami gangguan talian selama beberapa hari yang menyebabkan ePerkhidmatan tidak dapat dicapai. Walaubagaimanapun, sistem tersebut telah beroperasi seperti biasa.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	Tarikh: 2015-01-20 15:20:45
2.	Nama: muhammad daud che	<p>PERTANYAAN : PERTANYAAN MENGENAI AKTIVITI MAJLIS</p> <p>Mesej: saya seorang penduduk aktif di kawasan kajang. ingin menanyakan aktiviti untuk masa terdekat, kerana saya berminat ingin menyertainya.</p> <p>terima kasih</p>	Tarikh: 2015-01-23 14:28:05	<p>Mesej: Salam.</p> <p>Tuan,</p> <p>Berikut maklumbalas daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPKj.</p> <p>-----</p> <p>Mulai 24 Januari 2015 setiap bulan minggu kedua dan keempat (tertakluk kepada pindaan) jam 7.30 pagi senamrobik di Stadium Kajang anjuran bersama Hospital KPJ.</p> <p>24-25 Januari 2015 Pesta Makanan di</p>	Tarikh: 2015-01-23 17:37:11

				<p>Taman Tasik Cempaka jam 9 pagi - 7 malam.</p> <p>Untuk maklumat lanjut berkaitan aktiviti yang dianjurkan oleh MPKj, tuan boleh hubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPKj.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	
3.	Nama: Hairul Nizam Bin Hasnan	<p>PENGHARGAAN : UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH</p> <p>Mesej: Assalammuaalaikum w.b.t;</p> <p>Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak MPKJ kerana menyediakan sistem seperti eAduan yang begitu efisien. berdasarkan laporan saya bernombor rujukan 0135/02/15, melalui sistem eAduan, pihak MPKJ telah berjaya menyelesaikan masalah saya dengan segera. Terima kasih dan setinggi penghargaan saya ucapkan kepada pihak MPKJ amnya dan khususnya en. Adzeri dari jabatan kejuruteraan kerana memberikan perhatian dan menyelesaikan masalah saya dengan segera.</p>	Tarikh: 2015-02-16 16:30:08	<p>Mesej: Salam.</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Terima kasih atas penghargaan tersebut. Segala maklumbalas dan aduan di dalam perhatian kami demi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MPKj.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	Tarikh: 2015-02-18 17:36:06
4.	Nama: NORIDAH SHARIFF	<p>PENGHARGAAN : PENGHARGAAN</p> <p>Mesej: Minggu lalu saya menghubungi MPKj berhubung dengan longkang tersumbat di rumah sewa saya di NO 68, di jalan 3/31, seksyen 3 Tambahan, Bandar Baru Bangi. Saya sangat teruja dengan tindakan segera dari Mpkj menghantar kakitangannya membersihkan longkang di jalan 3/31.</p> <p>Memandangkan kami akan mengadakan gotong royong ditempat tinggal kami, di Mutiara Bangi, Seksyen 1, Bandar Baru Bangi, saya mengadakan</p>	Tarikh: 2015-05-24 22:40:43	<p>Mesej: Salam.</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Terima kasih atas penghargaan tersebut. Segala maklumbalas dan aduan di dalam perhatian kami demi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan MPKj.</p> <p>Sila layari laman web MPKj atau hubungi talian 03-87377899 untuk sebarang pertanyaan/ cadangan/ aduan.</p>	Tarikh: 2015-05-26 12:10:49

		<p>bahawa tempat saya longkang, rumput tidak dijaga betul. Pegawai bertugas dimasa itu mengambil maklumat dari saya. Keesokan harinya Kontraktor MPKJ berkenaan kelihatan bertungkus lumus dengan kerja pembersihan. Tindakan pantas dari MPKJ sangat-sangat kami hargai.</p> <p>Kami sangat teruja dengan tindakan yang sangat cepat dan berdedikasi dari kakitangan MPKJ. Dengan ini saya sebagai wakil dari Mutiara Bangi ingin memberi penghargaan kepada kakitangan tuan iaitu Puan Noor Hayati binti Ibrahim, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29 dan Mohd Nur Firdaus Omar Ussman, Pembantu Awam H11 yang sangat- sangat efisien memantau aduan kami dengan begitu cepat.</p> <p>Penghargaan ini juga saya berikan pada MPKJ yang senantiasa memberi khidmat yang sangat baik. Terima Kasih.</p>		<p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	
5.	Nama: LISA	<p>CADANGAN : SEMAKAN DAN BAYARAN SAMAN PARKING</p> <p>Mesej: Saya mencadangkan MPKj untuk membuat pautan untuk orang awam menyemak dan membayar saman parking tanpa perlu berurusan di kaunter MPKj. Sebagai contoh laman web Majlis Perbandaran Kuantan, sangat mesra pelanggan, senang digunakan dan memudahkan orang awam untuk berurusan dengan mereka. Ini sekaligus dapat mengurangkan kadar tunggakan kompaun parking pesalah. Bayaran awal untuk mendapatkan harga paling minimum juga patut diketengahkan. Contohnya bayar sebelum 14 hari, bayar sebelum 30 hari dan bayaran selepas 30 hari. Sekian, terima kasih.</p>	<p>Tarikh: 2015-06-16 12:18:27</p>	<p>Mesej: Salam.</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Terima kasih atas cadangan tersebut. Cadangan tuan dalam perhatian pihak kami. Kami mohon maaf diatas segala kesulitan yang dihadapi.</p> <p>Sila layari www.mpkj.gov.my atau hubungi talian 03-87377899 untuk sebarang pertanyaan/ cadangan/ aduan.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	<p>Tarikh: 2015-06-18 16:24:41</p>
6.	Nama: lyn	<p>PERTANYAAN : JAWATAN KOSONG</p> <p>Mesej:</p>	<p>Tarikh: 2015-08-07 03:41:17</p>	<p>Mesej: Tuan/Puan,</p>	<p>Tarikh: 2015-08-07 08:34:43</p>

		Boleh saya tahu psal jawatan kosong di MPKJ?		<p>Untuk makluman, tiada sebarang jawatan kosong buat masa ini. Iklan tawaran jawatan kosong akan dipaparkan di laman web MPKj sekiranya ada.</p> <p>Jika ada sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Unit Perjawatan, Bahagian Sumber Manusia MPKj di talian 03-87377899.</p> <p>Sekian, harap maklum.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	
7.	Nama: mohamad hanif bin amiruddin	<p>PERTANYAAN : TANAH KOSONG DI SEBELAH RUMAH</p> <p>Mesej: Sebelah rumah saya ade mempunyai tanah kosong di taman desa sentosa hulu langat selangor. Boleh kah saya memohon untuk membeli atau membuat rumah pada tanah tersebut.</p>	Tarikh: 2015-08-07 10:08:54	<p>Mesej: Tuan/Puan,</p> <p>Untuk makluman, mesej tuan/puan telah dipanjangkan ke Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPKj.</p> <p>Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi : En.Razali bin Kamaruddin 03-87377899 samb 5043 razali_kamaruddin@mpkj.gov.my</p> <p>Harap maklum.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	Tarikh: 2015-08-10 08:20:38
8.	Nama: Lee Siaw Wei	<p>PERTANYAAN : MAINTENANCE OF BUILDING</p> <p>Mesej: Merujuk kepada perkara diatas. Saya Puan Lee Siaw Wei dari Lembaga Air Kuching, Sarawak pemilik Pangsapuri Nilam Indah Lot No 05/09 ingin mengetahui tentang Maintenance Of Building Pangsapuri Nilam Indah, Kawasan Perniagaan Nilam Kajang.Untuk Makluman pihak tuan, saya dimaklumkan oleh Developer Kosamewah Sdn Bhd bahawa Maintenance Of Building telah diambil-alik oleh Pihak Majlis</p>	Tarikh: 2015-08-11 14:30:34	<p>Mesej: Salam sejahtera.</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Untuk makluman, pertanyaan tuan telah dipanjangkan ke Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB), MPKj.</p> <p>Untuk sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi Jabatan COB di talian 0387377899</p>	Tarikh: 2015-08-12 14:24:56

		<p>Perbandaran Kajang. Diharapkan mendapat maklumat perkembangan yang teliti tentang Maintenance Of Building yang selanjutnya dari pihak tuan.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>		<p>/ 0387368375.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	
9.	Nama: Nurul	<p>PERTANYAAN : PELANCONGAN</p> <p>Mesej: Adakah pihak berkuasa mengawal activiti di bukit beroga?</p>	<p>Tarikh: 2015-09-18 14:00:12</p>	<p>Mesej: Salam.</p> <p>Tuan/Puan,</p> <p>Berikut maklum balas daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPKj.</p> <p>-----</p> <p>Bukit broga adalah di dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), namun demikian Bukit Broga bukan kawasan operasi MPKj.</p> <p>Laluan masuk ke Bukit Broga merupakan tanah individu, oleh yang demikian tuan tanah mengenakan caj parkir di kawasan tersebut.</p> <p>Harap maklum.</p> <p>Best regards, Administrator</p>	<p>Tarikh: 2015-09-23 16:39:09</p>